

# IQRA'

Bil. 12/2023  
DISEMBER




**Mengurus Komunikasi Sewaktu Krisis Kesihatan  
Terburuk Negara**  
Kampus Shah Alam - muka 4



**Program Khidmat Masyarakat bersama Sekolah  
Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa**  
Kampus Kedah - muka 5



**Lawatan Sambil Belajar Sahabat  
Surau Nurul Iman**  
Kampus Permatang Pauh - muka 7



**Program Speed Reading @Politeknik  
METro Betong**  
Kampus Samarahan 2 - muka 19



**Let's Discover Our Collection @PTAR  
(Read@UiTM: Mobile Library)**  
Kampus Mukah - muka 20

## PROMOSI@PTAR



**TAHNIAH! TIGA ORANG STAF PTAR NAIK PANGKAT  
KE GRED N36, S26 DAN S22  
13 DISEMBER 2023**

*Disediakan oleh: Asmah Sabtu*



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) mengucapkan **TAHNIAH** kepada tiga orang staf atas kenaikan pangkat sebagai Pegawai Eksekutif Tertinggi (gred N36), Pembantu Pustakawan Tertinggi (gred S26) dan Pembantu Pustakawan Kanan (gred S22).

Tiga orang staf PTAR dan tarikh kuatkuasa kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

1. Hajah Nor Asimah binti Mahmud - Pegawai Eksekutif Tertinggi (gred N36) - Kuatkuasa 1 Oktober 2023
2. Herman bin Tanbeh - Pembantu Pustakawan Tertinggi (gred S26) - Kuatkuasa 1 September 2023
3. Zuraidah binti Md. Hassan - Pembantu Pustakawan Kanan (gred S22) - Kuatkuasa 16 November 2023

Semoga tuan/ puan terus cemerlang dan sentiasa dirahmati.



Disediakan oleh: Asmah Sabtu



*Ketokohan Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Noor Hisham Abdullah sewaktu mengendalikan krisis Covid-19 sememangnya amat dikagumi oleh ramai orang. Tidak ramai memiliki keupayaan menyampaikan maklumat dengan yakin dan bersahaja di hadapan ratusan wakil media sewaktu negara sedang dilanda krisis kesihatan global dan geopolitik.*

*Memulakan perkongsian sewaktu program Siri Cakna Polisi yang diadakan di Ruang Bicara jam 10 pagi, Tan Sri telah berkongsi pengalaman beliau mengurus komunikasi, maklumat dan media dengan amat berkesan hingga menjadikan beliau orang ketiga dirujuk di dunia mengenai penularan semasa wabak COVID-19.*

*Di samping saluran media massa, Tan Sri telah memanfaatkan sepenuhnya saluran sosial media sebagai alat komunikasi umum. Setiap hantaran akan dinilai kesahihannya, difahami secukupnya dan disampaikan dengan bahasa yang mudah agar mesej dapat diterima dengan berkesan. Tambah beliau, keupayaan teknologi masa kini telah membolehkan maklumat COVID-19 disebar dengan segera demi kesejahteraan umum.*

*Program Cakna Polisi: Kronologi Satu Tahun Pertama COVID-19; Pengurusan Komunikasi dan Polisi adalah anjuran Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) yang diadakan di Ruang Bicara PTAR.*



*Disediakan oleh: Hamidah Mohd*



*Program ini adalah penganjuran bersama Perpustakaan Sultan Badlishah dan Kumpulan Pelajar KIM1105A Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kedah untuk Program Khidmatan Masyarakat di Pusat Sumber Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa. Program ini telah dilaksanakan pada 11 November 2023 bertempat di Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani, Kedah. Antara program yang di jalankan sepanjang CSR ialah Bengkel Sumber Maklumat dan Kaedah Mengakses Maklumat, Reference Teamwork Game: RefHunters dan Circulation teamwork game: BocHOG.*

*Program khidmat masyarakat ini akan dijalankan secara kerjasama bersama kumpulan pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat bagi memenuhi keperluan kerja kursus IMD 314 : Extension Services for Information Agencies. Manakala bagi pihak Perpustakaan Sultan Badlishah pula adalah untuk mencapai Petunjuk Prestasi Perpustakaan UiTM yang ke dua belas iaitu bilangan program khidmat Masyarakat Perpustakaan UiTM. Selain itu, memberikan latihan dan khidmat nasihat berkaitan pengurusan pusat sumber sekolah. Membantu pihak sekolah menyediakan suasana pusat sumber yang menarik dan selesa. Mengadakan aktiviti-aktiviti literasi maklumat dalam memperkasakan budaya membaca. Dan membuka minda pelajar tentang peranan dan kepentingan pusat sumber sekolah dalam proses pembelajaran.*

*Diharapkan agar program ini dapat memberi pengalaman dan pengajaran kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut. Inisiatif ini akan memberikan impak positif kepada pelajar dengan membolehkan mereka menikmati pusat sumber atau perpustakaan yang kondusif dan selesa. Kemudahan pusat sumber dan perpustakaan yang baik akan meningkatkan penggunaannya serta membantu memupuk amalan dan minat membaca yang sejati dalam kalangan masyarakat.*



**Disediakan oleh: Hamidah Mohd**



*Program ini diadakan pada 13 Disember 2023 pada hari rabu. Program tersebut diadakan di ruang legar Court Yard, UiTM Cawangan Kedah. Tarikh tersebut dipilih berikutan pada hari tersebut dijalankan satu program festival jualan Fun Fun Fest 2023 anjuran pelajar yang berlangsung pada 12hb hingga 14hb Disember 2023. Sasaran program tersebut adalah para pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Kedah yang menyertai festival jualan tersebut.*

*Memberi kemudahan kepada warga kampus untuk membuat pinjaman buku tanpa perlu hadir ke perpustakaan. Disamping itu, melalui program mobile library ini pihak perpustakaan dapat mendekati warga kampus dengan memberi konsultasi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan disamping mempromosi perkhidmatan perpustakaan digital dan keahlian luar perpustakaan.*

*Membuka booth berhampiran laluan masuk ke festival jualan Fun Fun Fest. Turut disediakan bersama dengan booth tersebut adalah beberapa buah buku pilihan, brosur dan hadiah cerderahati bagi pengunjung bertuah yang membuat pinjaman bahan. Antara kakitangan perpustakaan yang terlibat secara langsung dalam program tersebut adalah Encik Zakaria Muhamad dan Encik Muzammil Mohd Mustaffa dari Unit Pelanggan (Sirkulasi), Puan Noor Azlina Mat Esoff dari Unit Pembelajaran Digital serta Puan Norismalaliza Che Onn dari Unit Rujukan. Program tersebut bermula jam 11.00 pagi dan tamat jam 1.00 petang.*

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam



PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) Kampus Permatang Pauh telah menerima kunjungan lawatan sambil belajar dari Sahabat Surau Nurul Iman, Taman Serai Wangi Fasa 1, Padang Serai, Kulim, Kedah. Lawatan ini disertai oleh 41 orang pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah bersama 4 orang pengiring yang terdiri daripada kariah Surau Nurul Iman.

Kehadiran sahabat surau ini merupakan jalinan yang julung-julung kali diadakan di antara PTAR UiTM CPP dengan Sahabat Surau Nurul Iman. Lawatan dimulakan dengan taklimat ringkas mengenai perpustakaan UiTM CPP dan diikuti dengan Program Speed Reading yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan di PTAR UiTM CPP. Program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada peserta bagaimana mengaplikasikan teknik bacaan pantas dalam pembacaan seharian serta meningkatkan ingatan dan cara berfikir. Mereka turut diberikan latihan asas untuk pemahaman yang lebih baik mengenai bacaan pantas.

Seterusnya, peserta turut mengikuti aktiviti ExplorEAD yang melibatkan 3 cabaran iaitu aktiviti K-A-Ranger Challenge, Card Tower Challenge dan Word Swatter Challenge. Peserta telah dibahagikan kepada 5 kumpulan dan perlu menyelesaikan cabaran yang diberikan di dalam kumpulan. Aktiviti ini dapat memupuk semangat berpasukan selain memacu minda kreatif dan pengetahuan ahli kumpulan tentang perpustakaan. Di akhir program, para peserta gembira menerima hadiah kemenangan kumpulan masing-masing serta bergambar bersama-sama staf perpustakaan sebelum menikmati jamuan makan tengah hari yang telah disediakan.



Para pelajar sedang mengikuti Program Speed Reading di Pusat IT PTAR UiTM CPP

Aktiviti ExplorEAD yang disertai oleh para peserta lawatan sambil belajar

Aktiviti ExplorEAD yang disertai oleh para peserta lawatan sambil belajar

Peserta dan staf PTAR UiTM CPP bergambar bersama-sama di depan PTAR UiTM CPP

Disediakan oleh: Aizu Hakimi Mohd Adnan



PTAR UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 22/23 dan Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Perak telah mengadakan Program Bookwonders Open Day dengan bertemakan konsep Read@UiTM. Seramai lebih kurang 200 orang pelajar telah mendaftar sebagai peserta dalam aktiviti yang disediakan sepanjang program tersebut.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Program (Staf Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) & Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Cawangan Perak atas kerjasama yang telah dijalankan dalam menjayakan program ini. Tahniah juga kepada semua peserta yang telah sama-sama memeriahkan program kali ini. Bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam program ini berjalan dengan lancar, beberapa orang staf dan pelajar praktikal telah dilantik sebagai ketua biro bagi setiap pertandingan dan permainan yang disediakan. Hal ini bagi menarik pengunjung menyertai aktiviti yang disediakan sepanjang hari program berlangsung. Semua permainan dan pertandingan ini dijalankan secara fizikal dan digital di aras bawah perpustakaan.

Melalui program seperti ini, pihak perpustakaan mendapati aktiviti "Indoor Game" boleh dijadikan daya penarik kepada pengunjung perpustakaan terutama sekali kepada pelajar. Program "Book Buzz" dan "Mic Check Soul Speak" juga memberi peluang kepada pelajar untuk membina keyakinan diri berucap di hadapan khalayak ramai serta menyuarakan pendapat masing-masing. Kini, telah banyak perpustakaan akademik di Malaysia telah menyediakan ruang seperti ini khusus kepada pengunjung perpustakaan dan berjaya menjadi tumpuan baharu kepada warga kampus. Di samping dapat menjana pendapatan, ruang yang dibangunkan juga dapat membina minda pelajar menjadi lebih kreatif dan cerdas selain meningkatkan kualiti pelajar dalam akademik mahupun kokurikulum.



## PROGRAM "JOM BACA BERSAMA"

14 DISEMBER 2023

Disediakan oleh: Aizu Hakimi Mohd Adnan

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS SERI ISKANDAR, PERAK



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah turut bekerjasama dalam menjayakan program "JOM BACA BERSAMA" anjuran Perpustakaan Desa Parit. Seramai 60 orang peserta yang hadir menyertai program tersebut melibatkan daripada empat buah sekolah iaitu SK Parit, SMK Iskandar Syah Parit, SMK Sultan Muhammad Shah dan SK Iskandar Syah Parit serta guru pengiring.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah Program Speed Read, Pertandingan Brain Game, Kaedah Pemuliharaan Buku dan Anugerah Peminjam Buku Terbanyak 2023. 10 orang wakil dari Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar turut hadir sebagai jawatankuasa dalam menjayakan program ini.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YB Khairudin bin Abu Hanipah selaku Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak dengan diiringi oleh Puan Rafidah bt Abdul Aziz, Pengarah PPANPK dan Puan Siti Basriyah bt Shaik Baharuddin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak.






Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah berkolaborasi menjayakan sebuah bengkel penulisan “Pangkalan Data Atas Talian (PDAT) DAN Mendeley Reference Manager” bersama Fakulti Sains Gunaan (FSG) UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah.

Bengkel ini telah disertai oleh 62 orang pelajar semester 3 diploma daripada Fakulti Sains Gunaan dan diberi kepada dua slot iaitu slot Online Database pada sebelah pagi dan slot Mendeley Reference Manager pada sebelah petang. Bengkel kali ini telah dijalankan secara atas talian menggunakan Cisco Webex. Penceramah yang terlibat untuk mengendalikan bengkel ini adalah Pustakawan PTAR Kampus Tapah iaitu Encik Aizu Hakimi Bin Mohd Adnan.

Rata-rata peserta yang menyertai bengkel ini telah berpuas hati selain membantu membuka pandangan mereka mengenai kaedah-kaedah yang berkesan untuk mendapatkan bahan akademik menggunakan PDAT. Manakala pembelajaran mengenai aplikasi Mendeley Reference Manager pula membantu peserta memudahkan kerja sitasi kepada bahan artikel yang telah mereka peroleh. Diharapkan bengkel penulisan seperti ini dapat dijalankan lagi pada masa akan datang supaya para pelajar dapat mempertingkatkan kualiti penulisan yang berbentuk akademik dan membantu universiti untuk menghasilkan graduan yang berimpak tinggi.





*PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menyertai Bengkel Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) UiTM Siri 2/2023 di ILD Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Jabatan Arkib Universiti (JAU), PTAR UiTM Shah Alam dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia. Bengkel ini telah dihadiri oleh Unit Arkib Cawangan dan wakil Pusat Tanggungjawab (PTJ) di setiap cawangan. Wakil PTJ UiTM Cawangan Melaka yang telah menyertai bengkel tersebut adalah Perpustakaan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Hal Ehwal Akademik.*

*Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan dan penerangan berkaitan tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas bencana bagi memastikan rekod dapat dipelihara pada masa akan datang. Bengkel ini juga memberi tunjuk ajar kepada setiap cawangan bagi membangunkan Buku Panduan Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) di cawangan masing – masing. Penceramah dan fasilitator bagi bengkel ini telah dijemput khas dari Arkib Negara Malaysia (ANM):*

- 1. Encik Mohamad Asyek Bin Che Yaacob (Penceramah)  
Seksyen Konsultansi dan Latihan  
Arkib Negara Malaysia*
- 2. Puan Norhafizah Binti Mamat @ Razali (Fasilitator)  
Seksyen Konsultansi dan Latihan  
Arkib Negara Malaysia*

*Semoga bengkel ini dapat menyokong usaha-usaha memberi kesedaran kepada semua Warga UiTM mengenai kepentingan Pengurusan Rekod Universiti yang mesti diketahui oleh semua warga UiTM terutama PTJ di bahagian pengurusan tertinggi UiTM.*



Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman



Unit Arkib, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah menerima lawatan dari Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM), YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, FASc bersama barisan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), UiTM Cawangan Melaka, terdiri daripada:

1. Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini, Rektor UiTM Cawangan Melaka
2. Prof. Ts. Dr Azhan Hashim@Ismail, Dekan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi
3. Ts. Dr. Nadzri Mohd Sharif, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
4. Dr. Nur Hayati Abd Rahman, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri
5. Dr. Mohd Halim Mahphoth, Penolong Rektor, UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka
6. Encik Ahmad Khairuman Md Hasim, Penolong Rektor UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin
7. Encik Mior Hishamuddin Ariffin, Timbalan Pendaftar Kanan, UiTM Cawangan Melaka
8. Encik Zulkepli Hassan, Timbalan Bendahari Kanan, UiTM Cawangan Melaka
9. Encik Norhazlan Nordin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Cawangan Melaka
10. Encik Mohd Saini bin Awang, Pengarah Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti, UiTM Cawangan Melaka

Unit Arkib merupakan salah satu tempat yang dikunjungi oleh YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin selepas melawat dibahagian PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Sesi lawatan ini telah diketuai oleh Cik Ilya Nur Fateen binti Othman yang menerangkan pameran mengenai Sejarah UiTM Cawangan Melaka, Peneraju ITM/UiTM Cawangan Melaka, Album konvokesyen UiTM Cawangan Melaka dan koleksi retro yang ada di Unit Arkib. Hasil pameran ini telah dilaksanakan oleh staf Unit Arkib bersama pelajar latihan industri PTAR UiTM Cawangan Melaka.

Seluruh warga PTAR UiTM Cawangan Melaka mengucapkan selamat datang dan jutaan terima kasih kepada YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin kerana sudi membuat lawatan kerja ke PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.





*Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat (PTDI) bakal menjalinkan kerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Segamat (PPD) dengan penganjuran program atau wacana bagi memperkasakan hubungan antara perpustakaan pengajian tinggi dan pusat sumber sekolah.*

*Pustakawan Kanan, Encik Ahmad Akmal bin Mohd Idris berkata, usaha tersebut sebagai satu langkah progresif dalam menggerakkan bidang perpustakaan ke arah yang lebih inklusif dan proaktif. Diharapkan kerjasama ini akan membawa manfaat kepada pelajar dalam pemahaman terhadap perpustakaan serta menjadi asas penting dalam memupuk dan mengembangkan kemahiran Guru Perpustakaan Media dan Pengawas Pusat Sumber Sekolah, menyediakan mereka dengan ilmu yang diperlukan untuk memberi khidmat yang lebih efektif dan relevan kepada pelajar.*

*Menurut Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Mawar Noor binti Abdullah, kerjasama itu nanti akan membuka ruang lebih luas kepada pelajar sekolah rendah mahupun sekolah menengah untuk lebih mengenali serta memahami teknologi yang terdapat di perpustakaan pengajian tinggi.*

*Sementara itu, Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Unit Sumber dan Teknologi Pendidikan, Sektor Pembelajaran, Puan Noor Aniza Shahrina binti Johan Shah berharap agar perkara yang dibincangkan bagi kerjasama strategik tersebut merupakan satu perkembangan positif antara perpustakaan pengajian tinggi dan Pengawas Pusat Sumber Sekolah dalam bergabung tenaga bagi menganjurkan sesuatu program yang berimpak.*

*Kerjasama yang sedang dirangka antara Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Kampus Segamat (PTDI) dan Pejabat Pendidikan Daerah Segamat (PPD) menandakan langkah penting dalam memperkukuhkan hubungan yang erat antara institusi pengajian tinggi dan pusat sumber sekolah. Dengan fokus pada pemahaman terhadap ilmu pengurusan perpustakaan dan peningkatan kemahiran, inisiatif ini tidak hanya memberi peluang kepada pelajar untuk mengeksplorasi dunia perpustakaan, tetapi juga memberdayakan Guru Perpustakaan Media dan Pengawas Pusat Sumber Sekolah dengan pengetahuan yang relevan untuk mengemudi perkhidmatan yang lebih efektif dan bersesuaian.*

*Penglibatan mesyuarat kerjasama antara PTDI Kampus Segamat dan PPD Segamat. Dari Kiri: Encik Nasruhua bin Mastor (Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Segamat), Puan Noor Aniza Shahrina binti Johan Shah (Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Segamat), Puan Mawar Noor binti Abdullah (Timbalan Ketua Pustakawan, PTDI Kampus Segamat), Encik Ahmad Akmal bin Mohd Idris (Pustakawan Kanan, PTDI Kampus Segamat), Encik Mohammad Azhari bin Ja'afar (Pembantu Pustakawan, PTDI Kampus Segamat).*

Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz



Pihak perpustakaan telah menerima satu lawatan daripada pelajar orang Asli, Sekolah Kebangsaan Sungai Kiol Jerantut pada 25 Oktober 2023, jam 9.00 pagi yang bertempat di Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang. Program ini diadakan adalah untuk memberi motivasi dan semangat kepada anak-anak orang asli yang terlibat tentang pentingnya menimba ilmu .

Lawatan ini seramai 40 orang dan diiringi 2 orang guru pengiring. Lawatan anjuran Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pahang Para pelajar diberi pendedahan bagaimana perpustakaan di universiti beroperasi serta melihat kemudahan-kemudahan serta perkhidmatan yang di sediakan.

Taklimat ini telah disampaikan oleh En. Mohd Fadhli Samsudin, En. Hasmadi Hassan dan dibantu oleh pelajar latihan industri En. Syed Mohd Ezam. Semoga lawatan ini dapat meningkatkan semangat pelajar-pelajar untuk terus menuntut ilmu. Lawatan ini dapat menyokong SDG 4: Quality Education yang mana memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.



Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz



Pada 9 November 2023 (Khamis), Perpustakaan Al Bukhari (PAB) telah mengadakan program Read@UiTM, Let's Read! Expand Our Knowledge From Heart To Hope yang bertempat di Dewan Makan Kolej Tok Gajah dengan bertemakan solidariti bersama Palestin. Program ini telah menarik pengunjung seramai 150 orang . Dengan terlaksananya program ini, sebanyak 53 peminjam buku dan 73 naskah buku telah dipinjam sepanjang program dijalankan. Objektif Program Read@UiTM:

1. Mempromosikan pelbagai buku menarik
2. Mengalakkan budaya membaca dikalangan warga UiTM
3. Memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan
4. perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan

Terdapat aktiviti MENARIK serta perkhidmatan ISTIMEWA yang disediakan.

1. Book Delivery Service: "From Shelf to Doorstep"
2. Book Return Service "Find A Way Home Return"
3. Research Support Services "Let's Search A Way"
4. Book Loan Service "Beauty With Brain"
5. Fines Service "Tap and Pay-Clear The Due."
6. Palestine Exhibition

Semoga Program Read@UiT ini dapat meningkatkan semangat pelajar-pelajar untuk terus menerapkan budaya membaca dikalangan mahasiswa. Program ini dapat menyokong SDG 4: Quality Education yang mana memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.



## PROGRAM LIBRARY STREET UITMCT (DISEMBER 2023)

6 DISEMBER 2023

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris



Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun telah menganjurkan Program Library Street Disember 2023 bertempat di Dewan Makan Kolej Perhentian pada 6 Disember 2023, Rabu yang lalu. Program ini merupakan siri ke lima ianya diadakan pada tahun 2023, bertujuan untuk mendekati para pelajar dengan membawakan pelbagai aktiviti ilmu bersama koleksi baharu perpustakaan untuk pinjaman.

Pelbagai bahan bacaan terkini dipamerkan seperti bahan bacaan silibus dan bahan bacaan santai mengikut kesesuaian minat pengunjung. Program yang berlangsung bermula jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang ini telah menarik lebih dari seratus orang pengunjung. Puan Ayuzawahie binti Amran, Pembantu Pustakawan Kanan, selaku ketua projek sangat berpuas hati dengan penganjuran program ini kerana telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pelajar.

Turut diadakan sepanjang program ini ialah aktiviti peminjaman dan pemulangan buku; dengan rekod sebanyak 84 buah buku telah dipinjam oleh pengguna, semakan maklumat am perpustakaan, pertandingan menyusun buku serta rujukan perkhidmatan perpustakaan digital. Lebih menarik ialah penganjuran program Blind Date with Books & Review (Me and Lovely Books) yang dikendalikan oleh pelajar praktikal perpustakaan, serta Pertandingan Mini Library Treasure Hunt. Penerangan berkenaan Speed Reading turut diberikan kepada pelajar dan ianya dikendalikan oleh Puan Hafisah Mustafa, Pembantu Pustakawan.



Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar



Pada 19 Disember 2023 (Selasa), Program Mobile Library telah dilaksanakan di Kolej Kerawang UiTM Kuala Terengganu. Program yang bermula pada pukul 10.30 pagi sehingga 4.30 petang diadakan untuk menggalakkan warga kampus untuk peminjaman buku-buku yang dibawa dari perpustakaan.

Tujuan program ini diadakan bagi memudahkan staf perpustakaan untuk berinteraksi dengan pengguna dan menerangkan mengenai perpustakaan. Bagi menggalakkan peminjaman buku dari warga kampus terutamanya pelajar, setiap peminjam yang meminjam lebih daripada 2 naskhah buku mendapat hadiah yang menarik.

Semoga program yang dilaksanakan ini dapat memberi lebih pendedahan kepada warga kampus mengenai perkhidmatan di perpustakaan. Di samping itu, menyokong dan menyeru warga kampus dalam Kempen Galakan Membaca dan menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti.



# PERTANDINGAN PINJAMAN BUKU TERBANYAK 2023 OKTOBER - DISEMBER 2023

Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN  
KAMPUS KUALA TERENGGANU



## PERTANDINGAN PINJAMAN BUKU TERBANYAK 2023

### Syarat Pertandingan

- Para pemenang Pertandingan Pinjaman buku Terbanyak akan diumumkan dalam bentuk poster pada minggu terakhir Bulan Disember 2023.
- Semua warga UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu yang berdaftar menjadi ahli perpustakaan layak menyertai pertandingan ini.
- Keputusan pemenang adalah berdasarkan statistik pinjaman tertinggi yang dijana daripada sistem WSL.
- Setiap pemenang (staf akademik/ staf bukan akademik/ siswa/ siswi) akan mendapat e-sijil pemenang dan barangan hamper atau bawcer pembelian.
- Pertandingan ini terbuka kepada semua staf dan pelajar UiTM Terengganu Kampus Kuala Terengganu.

**TEMPOH PERTANDINGAN  
OKTOBER – DISEMBER 2023**

ANJURAN : PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCTKT

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KUALA TERENGGANU  
PUTM KUALA TERENGGANU  
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCTKT

Wadiah Menarik Menanti Anda



## Tahniah

### PERTANDINGAN PINJAMAN BUKU TERBANYAK 2023

 SITI NORFATIN FARHANA BINTI MISBAN (96 NASKAH) TEMPAT PERTAMA	 TUAN NUR AZLINA BINTI TUAN IBRAHIM (38 NASKAH) TEMPAT KEDUA	 ALISA SOFIA BINTI MOHD NUHAIRI (23 NASKAH) TEMPAT KETIGA
--	--	---

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KUALA TERENGGANU | PUTM KUALA TERENGGANU | PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCTKT | UiTM TERENGGANU LIBRARY UiTMCTKT

## Tahniah

### PERTANDINGAN PINJAMAN BUKU TERBANYAK 2023

 MUHAMMAD ARIF FAHMI BIN MOHD ZULFADHU (17 NASKAH) SAGUHATI	 NUR AMIRAH BINTI MOHD AZMI (15 NASKAH) SAGUHATI	 NURLIYANA NABILAH BINTI MD SAMAN (9 NASKAH) SAGUHATI
--	---	--

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KUALA TERENGGANU | PUTM KUALA TERENGGANU | PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCTKT | UiTM TERENGGANU LIBRARY UiTMCTKT

Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah menganjurkan Pertandingan Pinjaman Buku Terbanyak 2023 bermula Oktober 2023 sehingga Disember 2023. Penyertaan pertandingan ini dibuka kepada warga pelajar dan staf.

Pertandingan ini dilaksanakan bagi menggalakkan minat membaca dalam kalangan warga universiti.


Antara pemenang pertandingan:

1. TEMPAT PERTAMA – SITI NORFATIN FARHANA BINTI MISBAN (96 naskah)
2. TEMPAT KEDUA – TUAN NUR AZLINA BINTI TUAN IBRAHIM (38 naskah)
3. TEMPAT KETIGA – ALISA SOFIA BINTI MOHD NUHAIRI (23 naskah)

Semoga program yang dilaksanakan ini dapat memberi lebih pendedahan kepada warga kampus mengenai perpustakaan. Di samping itu, menyokong dan menyeru warga kampus dalam Kempen Galakan Membaca dan menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti.

**PROGRAM SPEED READING @POLITEKNIK METRO BETONG**  
**6 DISEMBER 2023**

Disediakan oleh: Zuraida Abdul Karim



**PROGRAM SPEED READING @ POLITEKNIK METRO BETONG**

6 Disember 2023 | Politeknik METro Betong

PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah melaksanakan Program Speed Reading bertempat di Perpustakaan Politeknik METro Betong. Program ini diadakan besempena dengan program PTAR@3R: Transcending Differences, Strengthening Relationships yang telah berjaya dilaksanakan pada 5 Disember 2023.

Antara objektif program ini dilaksanakan adalah memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari teknik bacaan pantas, meningkatkan keyakinan diri ketika membaca serta memupuk minat membaca dan menggalakkan pembacaan di kalangan peserta serta membina kompetensi pembacaan. Program ini telah dihadiri oleh seramai 70 orang pelajar semester 1 Politeknik METro Betong dan telah dikendalikan oleh En.Dominic Ingg, Pembantu Pustakawan Kanan PTAR Kampus Samarahan.



Disediakan oleh: Zuraida Abdul Karim



PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah mengajurkan Program Let's Discover Our Collection@PTAR bertempat di Library Community Engagement Space, PTAR UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah bermula jam 8:30 pagi sehingga 4:30 petang. Program ini diadakan bersempena dengan program Saringan Kesihatan & Kempen Derma Darah.

Objektif penganjuran proram ini adalah bertujuan untuk mendedahkan bahan-bahan berkaitan budaya Melanau kepada pengguna PTAR dan juga mempromosikan buku-buku baharu yang terdapat di PTAR UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah.

Selain daripada itu, pihak PTAR juga mengambil inisiatif untuk mendedahkan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan kepada pengguna melalui satu kaedah permainan iaitu kuiz santai bagi memberikan pendedahan kepada pengguna jenis-jenis perkhidmatan yang boleh mereka dapati di dalam perpustakaan.



# PROMOSI@PTAR



# IQRA'

**گاليري**  
فرؤسٹا گاء ٹون عبدالرزاق

**GALERI**  
PERPUSTAKAAN  
TUN ABDUL RAZAK

- ✓ Terbuka untuk **AKTIVITI/ PROGRAM** berteraskan keserjanaan
- ✓ Percuma (warga UTM sahaja)

**SILA HUBUNGI:**  
Bahagian Korporat dan Kolaborasi  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Telefon: 03-5544 3727/ 03-5521 1704  
e-mel: korporatptar@uitm.edu.my

Logos of partner organizations: MDEC, MAMPU, and various government and academic institutions.

Social media handles: @perpustakaanutms, @uitmyut, @uitmyut, @perpustakaanutms, @perpustakaanutms

## GALERI PTAR

**Terbuka untuk aktiviti/program  
berteraskan keserjanaan**